

PEMELIHARAAN WATAK WAYANG GEDEK KE DALAM ANIMASI

Aminah Abd Karim, Nur Afifah Vanitha Abdullah (Phd.)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif,

Universiti Malaysia Sarawak,

94300, Kota Samarahan,

Sarawak.

amienakarim@gmail.com , anafifah@faca.unimas.my

Abstrak

Wayang Gedek merupakan sebuah teater tradisional negeri Kedah yang berasal dari daerah Nang Talung, Selatan Thailand. Pementasan Wayang Gedek berasaskan bayang pada kelir sama seperti Wayang Kulit Jawa dan Wayang Kulit Kelantan. Kesenian Wayang Kulit di Malaysia sedang berhadapan dengan ancaman kepupusan. Kini, hanya kumpulan Wayang Kulit Seri Asun sahaja yang menerajui persembahan Wayang Gedek. Oleh itu, sekiranya tiada usaha ke arah pemeliharaan kesenian Wayang Gedek ini, teater ini akan pupus ditelan arus zaman. Terdapat lebih daripada 200 watak dalam Wayang Gedek. Aithong dan Pak Tam merupakan watak utama dalam persembahan Wayang Gedek. Kertas kerja ini akan membincangkan salah satu usaha memelihara karakter Wayang Gedek dalam bentuk animasi.

Kata Kunci : Wayang Gedek, Animasi, Pemeliharaan.